BAB 5 : PENUTUP

5.1 Pendahuluan

Penulis akan membuat kesimpulan daripada perbincangan-perbincangan pada bab-bab yang lalu. Bab ini lebih memfokuskan dapatan yang penulis perolehi pada setiap kajian bab. Dapatan-dapatan ini akan penulis lakarkan dalam bentuk kesimpulan supaya ia mudah difahami. Akhir dalam bab ini penulis akan bawakan beberapa saranan.

5.2 Kesimpulan

Al-Khaṭīb al-Shirbīnī adalah seorang yang *faqih* dalam mazhab al-Shāfi'ī dan beliau mempunyai kitab tafsir yang bertajuk *al-Sirāj al-Munīr fī al-'I'ānah 'Alā Ma'rifat Ba'd Ma'ānī Kalām Rabbinā al-Hākim al-Khabīr*. Subjek utama dalam kajian ini ialah al- Khaṭīb al-Shirbīnī sebagai seorang yang *faqih* dalam mazhab al-Shāfi'ī dan metodologi beliau terhadap tafsiran ayat-ayat hukum dalam surah al-Nūr. Nama penuh beliau ialah Muḥammad bin Aḥmad al-Shirbīnī al-Qāhīrī al-Syāfi'ī dan lebih dikenali dengan panggilan al-Khaṭīb al-Shirbīnī. Tahun kelahirannya tidak dapat dipastikan tetapi penulis membuat andaian berdasarkan fakta yang ada bahawa beliau lahir pada akhir kurun ke-15 atau awal kurun ke-16. Manakala tahun kematian beliau adalah pada tahun 977 hijrah.

Maklumat tentang al-Khaṭīb al-Shirbīnī sebenarnya tidak banyak diketahui termasuklah kehidupan berkeluarga. Namun, dari sudut pendidikan, terkumpul dalam diri beliau beberapa ilmu yang dikuasai antaranya ialah ilmu fiqh, ilmu tafsir, ilmu

kalam, ilmu nahu dan ilmu *ṣorof*. Beliau belajar dengan ramai para ilmuan dan menghasilkan beberapa buah penulisan. Dari sudut keperibadian, al-Khatīb al-Shirbīnī adalah seorang yang zuhud, warak dan banyak beribadah kepada Allah. Beliau banyak berjasa kepada masyarakat dengan memanfaatkan ilmu fiqh yang dikuasainya dengan mencurahkan ilmu yang ada.

Sebagai makluman ayat hukum ialah ilmu yang membincangkan tentang pentafsiran terhadap ayat-ayat hukum yang terdapat dalam al-Quran meliputi ayat-ayat perintah dan larangan, ayat tentang halal dan haram, ayat tentang tentang adab-adab, ayat tentang janji baik dan buruk dan seumpamanya. Penulis mengemukakan isu yang berkaitan dengan metodologi tafsir ayat hukum bermula dengan sejarah pertumbuhan dan perkembangan tafsir ayat-ayat hukum dan karya-karya penulisan dalam bidang tafsir tersebut. Ia telah bermula sejak zaman Rasulullah s.a.w. sehingga munculnya suasana penulisan dan pembukuan. Perbezaan yang begitu ketara di antara dua zaman ini ialah rujukan umat Islam pada zaman Rasullullah s.a.w. hanya kepada baginda sebagai sumber utama tafsir ayat-ayat kepada mazhab dan penyelewengan dalam tafsir ini.

Secara ringkas, al-Khaṭīb al-Shirbīnī telah membahagikan surah al-Nūr kepada beberapa bahagian ayat hukum. Beliau menyatakan sepuluh hukum terdapat dalam surah al-Nūr dan mentafsirkan ayat-ayat tersebut. Sepuluh ayat hukum tersebut ialah hukum mengenai zina, larangan berkahwin dengan penzina, hukum orang yang menuduh zina, hukum *li'ān* (suami menuduh isteri berzina), hukum menyebarkan cerita dusta, adab berkunjung atau bertamu, hukum menjaga pandangan, anjuran menikah, hukum hamba yang dijanjikan akan dimerdekakan (*kitābah*) dan larangan terhadap paksaan melakukan zina (pelacuran).

Kemuncak dalam kajian ini ialah dapatan yang penulis perolehi hasil daripada kajian. Dapatan tersebut dapat disimpulkan kepada beberapa perkara, antaranya ialah al-Khaṭīb al-Shirbīnī telah menggabungkan pentafsiran secara *al-Ma'thur* dan pentafsiran secara *al-Ra'y* ketika mentafsirkan ayat-ayat hukum dalam surah al-Nūr. Beliau menggunakan *uslūb tahlīlī* dalam pentafsiran keseluruhan setiap surah. Gabungan ini dapat dilihat ketika beliau mentafsirkan ayat-ayat hukum dengan berdasarkan pentafsiran bersumberkan *al-Ma'thūr* iaitu menggunakan ayat al-Quran, hadis, pendapat sahabat dan pendapat tabi'in. Manakala pentafsiran bersumberkan *al-Ra'y* ialah mentafsirkan berdasarkan faktor sosial dan mengemukakan pendapat dari ahli tafsir yang terkenal dengan tafsir *al-Ra'y*.

Seterusnya, corak pentafsiran al-Khaṭīb al-Shirbīnī terhadap ayat-ayat hukum dalam surah al-Nūr boleh dilihat pada beberapa aspek. Pertama ialah tidak kelihatan sifat taksub terhadap mazhabnya, kedua: kejujurannya dalam penggunaan riwayat dan ketiga: perhatian beliau terhadap persoalan fiqh. Penulis membuat perbandingan antara al-Khaṭīb al-Shirbīnī dengan ahli tafsir yang lain iaitu al-Qurṭubī, al-Jaṣṣāṣ dan al-Kiyā al-Harrāsī. Jika dilihat dari sudut kemazhaban, al-Khaṭīb al-Shirbīnī sama sifatnya dengan al-Qurṭubī iaitu tidak taksub terhadap mazhab masing-masing. Manakala jika dibandingkan dengan al-Jaṣṣāṣ dan al-Kiyā al-Harrāsī, kelihatan perbezaan yang ketara. Ini kerana al-Jaṣṣāṣ dan al-Kiyā al-Harrāsī kelihatan sifat taksub kepada mazhab mereka ketika mentafsirkan ayat-ayat hukum.

5.3 Saranan dan Cadangan

Setelah membaca kitab tafsiran al-Khaṭīb al-Shirbīnī dan mengkaji metodologi pentafsirannya, maka penulis bawakan beberapa saranan.

a- Terjemah dalam bahasa melayu.

Kitab ini merupakan sebuah kitab yang kaya dengan ilmu-ilmu Islam kerana pelbagai perbincangan ilmu terdapat di dalamnya, antaranya ialah perbincangan masalah fiqh, adanya *qirā'at* al-Quran di dalamnya, perbincangan dari sudut ilmu nahu bahasa Arab dan banyak lagi. Oleh itu ia mudah difahami oleh masyarakat Malaysia pada hari ini jika ianya diterjemahkan ke dalam bahasa ibunda kita.

b- Perbanyakkan salinan asal kitab.

Antara masalah penulis dalam kajian ini ialah sukarnya mendapatkan sumber asal kitab. Kitab asal yang lengkap setakat ini hanya didapati di perpustakaan Akademik Pengajian Islam di Nilam Puri, Kelantan. Ia agak menyukarkan penulis untuk membuat rujukan. Selain daripada itu juga, penulis telah berulang kali mencari kitab asal tersebut sama ada melalui perpustakaan-perpustakaan di beberapa buah universiti tempatan dan juga pameran-pameran buku. Namun hasilnya mengecewakan kerana tidak memperolehinya.

c. Perbanyakkan kajian mengenainya.

Jika diteliti lebih mendalam, kitab tafsir ini boleh dibuat kajian dari pelbagai sudut ilmu kerana kepelbagaian ilmu yang terdapat di dalamnya. Contohnya kajian dari sudut *qirā'at* al-Quran atau dari sudut bahasa Arab.

Dengan adanya kajian demi kajian akan menampakkan lagi keistimewaan kitab tafsir ini.

5.4 Penutup

Akhirnya dapatlah diringkaskan di sini bahawa al-Khaṭīb al-Shirbīnī merupakan antara ulamak yang telah mewarnai bidang penulisan ilmu-ilmu Islam umumnya dan ilmu tafsir khasnya. Beliau lebih dikenali sebagai seorang ahli fiqh dalam mazhab al-Shāfi‘ī, tetapi tidak dinafikan beliau juga mempunyai karya dalam bidang tafsir. Kitab tafsir beliau lebih dikenali sebagai kitab *tafsīr bi al-Ra’y al-Mamdūḥ*. Walaupun kitab ini kurang digunapakai di negara kita, namun penulis percaya dengan kajian demi kajian yang dilakukan akan memperlihatkan keistimewaan kitab beliau. Akhirnya, segala kekurangan dan kesilapan dalam penulisan ini adalah kelemahan penulis sendiri. Manakala segala kebaikan dan manfaat daripada kajian ini adalah daripada Allah semata-mata. Wallahu ‘alam.